

## Maklumat Komoditi : Sengkuang

### Penyediaan Tanah

#### **PENYEDIAAN TANAH**

Penyediaan kawasan dibuat lebih awal iaitu 42 hari sebelum menanam. Kawasan perlu dibersihkan dan dibajak serta digembur sedalam 25 - 35cm dan dibiarkan selama 10 - 15 hari. GML perlu ditabur pada kawasan yang mempunyai pH kurang 5.5 pada kadar 3 - 5 tan/ha berpandukan pH tanah. Tanah diputar pula dengan alat rotovator diikuti dengan membuat batas dengan ukuran 60 - 90 cm lebar dan 30 - 40 cm tinggi dan jarak antara batas 1 meter. Batas tersebut hendaklah melintang arah matahari. Tahi ayam digaul diatas batas mengikut keperluan tanah tersebut. 2 hari sebelum tanam, racun pra cambah disembur diatas permukaan batas.